

# Ummah antara Ideal Keagamaan dan Realiti Kehidupan: Menelusuri 4 Dekad Terakhir (1974-2014) Perkembangan Islam Sedunia

*Mohamad Abu Bakar*

Jabatan Pengajian Antarabangsa dan Strategik, Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

\* *Corresponding e-mail: mabttidi@yahoo.com*

---

## Abstrak

*Kebangkitan semula Islam di seluruh dunia masih menunggu penterjemahan dalam bentuk kehidupan dan tradisi keagamaan setimpal dengan kedudukan Islam sebagai agama unggul. Empat dekad sudah berlalu setelah anggota ummah teruja oleh pandangan Islam sebagai satu cara hidup dan penyelesaian kepada pelbagai masalah kehidupan; namun hingga kini mereka terbelenggu oleh persoalan yang menghambat kebangunannya sebagai golongan yang terbentuk oleh al-Quran dan al-Hadith. Sebaliknya, mereka yang bangkit menangani cabaran abad ke-21 telah dikritik dan dikutuk sebagai jihadis, teroris dan sebagainya. Islamophobia telah terpupuk di mana-mana. Ia sekaligus menjelaskan pertembungan peradaban, yang mempertemukan orang Islam dan mereka yang lain.*

**Abstract:** *The upsurge in religiosity among Muslims worldwide has yet to be translated into concrete Islamic life and tradition commensurate with Islam's status as an ideal religion. Four decades have passed since they were enamoured of religious idealism arising from their belief in Islam as a way of life and a solution to many of their problems, but until now they remain mired in endless troubles which have sapped their energy and stymied their growth as people moulded by Koranic injunctions and Hadith exhortations. Muslims who profess a strong belief in their destiny, rising to the challenges of modernity on the occasion of 15th century Hijrah, instead have been condemned all rounds, as jihadists or terrorists or the like. Islamophobia has spawned hatred of Islam as never before. It also speaks volumes about the so-called clash of civilization which now has pitted Muslims against' others.*

**Kata kunci:** Islam, perkembangan Islam, ummah.

---

## 1.0 PENGENALAN

Persoalan hubungkait antara ideal dan realiti dalam kehidupan Islam sudah begitu lama mencabar pemikiran ummah, khasnya di kalangan pemikir dan penggiatnya (Ruthven, 1984). Sampai kinipun, isu ini kekal segar, dan masih menuntut penyelesaian muktamad. Akibatnya, hingga sekarang belum wujud lagi suatu perancangan strategik, apatah lagi suatu pelan induk, yang mampu bertindak sebagai naratif besar untuk ikutan dan rujukan universal kepada

pendukung Islam, sama ada dalam konteks kehidupan bernegara atau hubungan antarabangsa. Sebuah Hadith yang membawa maksud “Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya”, yang sering diketengahkan oleh penglibat dan pejuang Muslim masih menunggu penterjemahan yang menyakinkan dalam keperihalan keadaan semasa. Bagi banyak pihak, kebangkitan semula Islam masih berada di tahap retorika.

## **2.0 IDEAL YANG MENJADI IMPIAN DAN INSPIRASI**

Tiga jenis ideal telah menjadi rujukan dan impian sepanjang zaman. Pertama, ideal sebagai gubahan hidup serba lengkap dan indah berupa *construct*, khasnya yang ternukil daripada al-Quran dan tersaring daripada al-Hadith, dan cuba dihayati atau direalisasikan daripada semua segi dalam kehidupan masa kini. Ia turut memuat idea pengembalian sistem khalifah, pembinaan semula perpaduan ummah dan pembentukan orde dunia berpaksikan Syariah sebagai rahmat kepada seluruh sekalian alam. Pembedaan ideal ini walau bagaimanapun tidaklah pula menolak kekurangan yang terdapat dalam penterjemahannya pada masa lepas: kelemahan dalam kehidupan beragama hatta di zaman kegemilangan Islam, kewujudan adat resam yang berpengaruh sama dalam kehidupan Islam masa lalu, dan komitmen Islam bertahap yang terpaksa dilalui oleh umat Islam awal berikutan penurunan beransur-ansur ayat al-Quran.

Kedua, ideal yang juga tergubal atau tergubah bersandarkan al-Quran dan al-Hadith, tetapi ia lebih banyak diperlihatkan sebagai inspirasi, objek kenangan penuh nostalgik, termasuk dalam upacara dan perayaan Islam, seperti sambutan Mauludul Rasul dan Maal Hijrah. Penukilan masa lalu, penceritaan kisah silam, dan perincian kejayaan lepas dibuat tanpa batasan, bagi menghidupkan zaman yang telah berlalu dan menceriaikan pengikut masa kini. Fenomena ini juga meluas, termasuk di wilayah di mana Islam menjadi anutan minoriti atau di mana Islam tidak digemparkan sebagai suatu cara hidup yang syumul. Impian mereka yang terdorong oleh ideal ini sememangnya menyegarkan, apatah lagi, begitu banyak kitab lama dan buku moden menghidangkan kisah-kisah berkaitan dengan begitu terperinci sekali.

Ketiga, ideal yang lahir daripada imaginasi, sekalipun masih bersumberkan al-Quran, al-Hadith dan pengalaman ummah. Ia bukan suatu sejarah yang keseluruhannya bersifat konkrit atau boleh dipertahankan. Dalam ertikata lain, ia tidak sepenuhnya benar. Sebahagiannya difantaskan dengan melekatkan cebisan kisah dan cerita daripada berbagai era dalam satu foto atau potret, sedangkan susunan ini tidak mewakili mana-mana satu zaman. Kepingan gambar ini mungkin berbentuk cerita pemerintahan Omar al-Khatab yang begitu *people-friendly* itu, kisah Mushaib anak hartawan Quraish yang meninggalkan kesenangan untuk bersama Rasulullah S.A.W., atau pengamalan kaum Ansar yang berkorban apa sahaja untuk melayan tamu mereka, Kaum Muhajirin. Amalan ini kekal marak, dan begitu mencabar dari segi intelektual. Mereka mengangkat ideal Islam terlalu tinggi sehingga mereka kelihatan tidak berkemampuan mencapainya. Potret masa lepas ini begitu segar, dan menuntut pengulangan sejarah daripada semua segi di kalangan pendukungnya.

Ketiga-tiga jenis ideal ini ternyata telah mendapat rangsangan daripada penyelidikan berterusan mengenai Islam, ia itu apabila berbagai dimensi baru daripada al-Quran, Hadith dan sejarah tersingkap dan menjadi rujukan dalam pengubahan kehidupan semasa. Pembongkaran demi pembongkaran yang dilakukan menghidupkan cita-cita dan menambahkan keghairahan. Sejarah Islam yang tidak dibebani oleh kekaburan seperti yang dilalui oleh perjalanan agama

Samawi yang lain, membuat kewujudannya dengan segala keseluruhannya begitu nyata dan sekaligus mengukuhkan lagi keperluan penghayatannya secara total. Telah lahir kecenderungan merekacipta *'imagined eras'* dan *'imagined societies'* sebagai objek emulasi atau peniruan. Walaupun wawasan dan gagasan ini kelihatan utopian, refleksi semula ayat-ayat al-Quran dan rekonstruksi semula peristiwa dalam Seerah jelas telah membuah optimisme.

Penghayatan ideal ini berlangsung dengan berbagai cara, melibatkan pelbagai pendekatan dakwah dan kaedah jihad, sehingga ia mengundang pelbagai deskripsi, bergantung kepada sejarah dan situasinya – radikal, moderat, rasional dan moden, antara lainnya. Pada keseluruhannya, pergerakannya juga boleh dikategorikan sebagai:

- a) Penglibatan yang masih berjalan, *on going*. Penglibatan merasa begitu optimis tentang kejayaan dan pencapaian yang menunggu, cuma mereka tidak dapat memastikan bila segalanya ini akan berakhir. Perjalanan adalah sebahagian daripada destinasi. Walau bagaimanapun, pergerakan Islam berlainan merangka perjuangan yang tidak sama dan mempunyai agenda segera yang berbeza dalam keadaan yang sentiasa mencabar dan berubah-ubah. Golongan ini lebih terpengaruh oleh ideal jenis pertama dan ketiga. Pun begitu, pihak ini bukanlah tidak berkesedaran langsung tentang batasan yang dihadapinya. Mereka insaf bahawa mereka tidak sekali-kali mampu mengulangi sejarah 'Generasi al-Quran', ia itu angkatan ummah terbaik yang terbentuk oleh Rasulullah S.A.W. daripada segi aqidah dan ubudiyahnya. Mereka juga peka terhadap kekurangan yang terdapat dalam sejarah Islam disebabkan oleh kekangan keadaan. Persoalan mereka umumnya tertumpu kepada pengasasan nilai-nilai Islamiyyah yang berpotensi mewujudkan kembali peradaban ummah, sebagaimana yang terbina di Bagdad atau Andalusia.
- b) Penglibatan yang dikerangkakan oleh keadaan atau kondisi setempat, berupa negara di mana ia beroperasi, dan mahu tidak mahu pendukung terpaksa mengambil kira kondisi dan kongkongan yang terpaksa dihadapi. Pihak ini turut mengejar ideal jenis pertama dan ketiga, tetapi tidak kurang di kalangannya yang melihat masa lepas sebagai suatu sejarah yang telah berlalu dan tidak menuntut pengulangannya, dan mereka ini umumnya terdamai oleh situasi yang menyelubunginya. Seringkali juga mereka terpicat kepada beberapa pencapaian silam dan semasa sebagai rujukan, umpamanya pemerintahan Omar Abdul Aziz yang singkat, atau pelaksanaan Syariah di Arab Saudi sendiri.
- c) Penglibatan yang tidak menyeluruh, dan membabitkan penghayatan Islam di peringkat peribadi, atau secara kecil-kecilan, atau terpisah daripada masyarakat besar. Begitulah halnya kedudukan Islam di pedalaman, di kariah yang berpaksikan kehidupan masjid atau kampung yang berorientasikan pengajian pondok. Ataupun kegiatan Islam di kota berupa qiamulail dan tahajud, majlis tahlil dan acara korban. Individu Muslim yang kaya, tetapi berterusan mensyukuri nikmat Allah, atau insan Muslim yang miskin, tetapi tetap bersabar, menjadi *homo Islamicus* yang dimertabatkan dalam skim kehidupan.

Umumnya, penggarapan ideal berbentuk ini tidak banyak memberi masalah kepada masyarakat besar dan tidak membangkit tentangan pemerintah, kecuali jika lahir daripadanya mereka yang bertindak ganas atau memberi ancaman kepada sistem bernegara. Dunia luar juga tidak menaruh kebimbangan terhadapnya; walaupun terdapat pihak yang berminat, ia sering terdiri

daripada pengkaji dan penganalisis yang tertarik terhadap kewujudannya daripada segi sejarah, sosiologi atau ekonomi.

Kebangkitan semula Islam selama sesuku abad belum lagi menghasilkan buah yang menyenangkan. Penghayatan ideal jenis pertama terutama sekali terpaksa berdepan kesukaran yang paling besar dan paling banyak, semetelah lagi apabila ramai daripada keanggotaannya bertindak keras dan dihebohkan sebagai pengganas. Pendukung ideal ketiga juga menghadapi halangan dan tekanan serupa apabila mereka berwawasan Islam dan menwarwarkan objektif jangka panjang mereka. Perjuangan Islam menegak ideal jenis kedua biasanya tidak mendapati banyak masalah lantaran tuntutan dan harapannya yang agak terbatas. Kejayaannya pula adalah terhad. Malah penyertaan dalam majlis keramaian seperti Mauludul Rasul dan Maal Hijrah seringkali juga berakhir tanpa meninggalkan kesan berpanjangan ke atas penglibatnya. Dalam mana-mana senariopun, penentang Islam memiliki persepsi yang hampir sama apabila berdepan dengan kemaraan agama ini, ia itu pelaksanaan Syariah yang berkemampuan mengganggu-gugat kehidupan mereka. Tidak kurang pentingnya ialah permasalahan yang terbangkit daripada tubuh umat Islam sendiri, termasuk pemerintah yang menguasainya.

Pertama, sejarah Islam yang tertempa di sesetengah wilayah dan daerah tidak mencukupi sebagai pra-syarat kepada penghayatan ideal. Bagi kawasan tersebut, Islam adalah baru, atau belum tersibar dengan berkesan, atau penganutnya masih bergelumang dengan kepercayaan dan ajaran lama, atau bersalutan dengan khurafat dan bidaah, atau kekal berkeadaan miskin. Ideal Islam didekati dan didakap oleh manusia Islam yang tidak unggul, oleh masyarakat Islam yang jahil dan mundur, dan oleh negara Muslim yang terbelenggu oleh pemerintahan dan pentadbiran tidak efisien. Pengluasan pengaruh Islam di Asia Tengah, Asia Selatan, Asia Tenggara dan Utara Afrika membabit jumlah sebegitu ramai manusia, sehingga menyukarkan proses pembumian ajaran agama. Ringkasnya, mereka masih kekurangan pengetahuan, hatta setelah berkurun-kurun memeluk Islam. Kecepatan perjalanan masa tidak dapat diikuti oleh anggota ummah yang masih lemah, dan mereka berterusan terbeban oleh bagasi sejarah tersebut. Realiti sejarah, khasnya penjajahan, yang berterusan mencorak budaya, tidak mudah untuk dilupakan dalam penghayatan Islam. Ideal Islam terjejas dan terhakis dalam situasi yang mengekang perlaksanaan Syariah, terutama sekali berikutan penjajahan bentok baru atau pencerobohan sebagaimana yang telah berlaku di Afghanistan. Wajah Islam tidak menyerlah, apabila pelaksanaan hukum hakam diganggu-gugat oleh campur tangan asing, sehingga ia memberi imej yang buruk kepada agama. Sejarah semasa telah menewaskan Islam dalam perjalanan menuju matlamatnya. Sebelum kehidupan Islam mengalami pengukuhan, ia dibatasi dan dibantut oleh tuntutan pembinaan negara dan pemupukan susunan antarabangsa mengikut acuan luar. Sementara geografi turut menyukarkan lagi keadaan, apabila wilayah dan daerah ini sering dilanda banjir atau kemarau, diranap oleh gempa bumi atau gunung berapi. Pelaksanaan Islam terbantut, apatah lagi sekiranya pergerakan terlibat mempunyai visi dan misi untuk menjadikan agama satu cara hidup di peringkat kemasyarakatan dan kenegaraan.

Kedua, dalam situasi Islam sudah lama bertapak dalam masyarakat dan menjadi anutan majoriti anggotanya, bukan sedikit di kalangannya terdiri daripada mereka yang tidak berkecenderungan kepada Islam, sama ada disebabkan kepentingan peribadi atau perkiraan kuasa. Pendekatan pragmatis, berpandukan pelakuan praktis dan pulangan material, menjadi pilihan untuk meneruskan kelangsungan dalam orde bukan ciptaan Islam ini. Malah terdapat mereka yang terdamai oleh pencapaian dan perolehan yang sedia ada, dengan alasan segalanya itu menjadi hujah tentang kebenaran pengamalan Islam mereka dan keredaan Ilahi. Lebih jauh lagi, ialah

kepercayaan bahawa keamanan negara dan masyarakat, termasuk ketiadaan gunung berapi dan gempa bumi adalah petanda keberkatan yang tercurah dari langit. Masyarakat dan negara mereka adalah bertuah, dan mereka begitu terdamai apabila membandingkannya dengan keadaan di negara lain. Sesetengah daripadanya teruja oleh sanjungan dan sokongan pihak luar, termasuk ulama tamu, yang memuji pencapaian dan perolehan mereka, sekalipun pihak asing tersebut jarang sekali dibekalkan dengan maklumat sepenuhnya, atau terpaksa menjaga hati hos yang telah menyediakan segala kemudahan untuknya. Kalaupun mereka bersuara mengkritik, menegur atau menasihati, pandangan mereka tidak dihebohkan.

Ketiga, dalam keadaan di mana Islam sudah begitu lama berkembang dalam sejarah dan ia pula menjadi ikutan hampir keseluruhan populasi, terdapat jalur dan aliran fikiran yang berbeda dan kadangkala bertentangan. Aspek positif daripada perkembangan ini ialah wujudnya interaksi yang dinamik antara pengalaman lepas dan penglibatan semasa, dan hubungkait ini mencetus kreativiti intelektual yang berpotensi menyegarkan perbincangan tentang hala tuju ummah. Apa yang mengecewakan ialah apabila masing-masing pihak atau golongan mengambil pendirian keras dan sanggup bertempur untuk menegakkan kedudukan mereka. Sering berlaku tuduhan kafir-mengkafir dan pertelingkahan yang membawa kepada pertumpahan darah sesama anggota masyarakat. Pergerakan Islam menjadi mangsa dengan kebebasan akibat globalisasi, wilayah dan daerah Islam telah sama-sama mengecapi suasana liberal ini, dan ia menjadi semakin aktif sebagai medan untuk bersaing, bertelagah dan bersengketa. Kudis lama tidak setakat berdarah kembali, tetapi ia merebak menjadi pekong dalam masyarakat dan negara. Manakala dalam situasi tertentu, parti-parti politik bertarungan mengejar bentuk kehidupan Islam berbeda, seperti di Malaysia hari ini.

Keempat, realiti dalam negara-negara Muslim masih merupakan pemerintahan lama atau peninggalan penjajah yang tidak membantu perjalanan Islam menuju idealnya. Lebih-lebih lagi sekiranya ia berada di bawah pengaruh bukan-Islam yang turut dinaungi oleh kuasa luar, yang berkepentingan untuk mempertahankan gubahan bernegara yang ada dan mengekalkan sistem antarabangsa yang sedia berkembang semenjak Perjanjian Westphalia pada tahun 1648. Pernyataan Hassan Turabi, pemikir Islam dari Afrika, mempunyai asas yang kukuh apabila beliau merumuskan bahawa selagi negara-negara Muslim tidak bertukar menjadi pergerakan Islam, maka perpaduannya di peringkat global tidak akan membawa kepada penyatuan ummah yang sebenar. Itulah kenyataannya hari ini. Pan-Islamisme hanya boleh muncul sekiranya wujud *religious transnationalism* merentasi sempadan negara; dengan hanya berbekalkan sensitiviti sejarah dan sentimen politik, apa yang dapat dizahirkan ialah kerjasama Islam di permukaan hubungan antarabangsa. Solidariti Islam *ala* Kesatuan Eropah masih merupakan suatu impian.

Kelima, berbangkit daripada persepsi serong terhadap penghayatan ideal ini, khasnya di kalangan musuh luarnya, ialah tekanan dan tentangan bertambah yang dikenakan terhadap pergerakan Islam. Dengan tamatnya Perang Dingin, dan Amerika Syarikat teruja oleh kejayaannya, Barat yang dipelupuri oleh Washington semakin ghairah membendong dan memerangi pergerakan Islam. Zaman ketika mana "Islam" disayangi, sama ada ia didukung oleh pemerintah berkuku besi atau kerajaan yang terbentuk oleh proses demokrasi, selagi ia bernilai strategik kepada pihak tersebut, sudah berlalu. Sehubungan ini, Muslim di mana-mana semakin dicurigai, sehingga mencetus *Islamophobia* (Sheehi, 2011), dan perjuangan menghayati ideal Islam dilihat sebagai suatu ancaman yang nyata (*existential threat*). Sejarah Perang Salib, pemerintahan Khalifah Uthmaniyyah dan 'Peristiwa September 11' dihidangkan begitu rupa untuk mewujudkan sterotaip negatif mengenai kehidupan yang menjadi idaman pergerakan Islam. Pengembangan

Islam di bawah HAMAS di bumi Palestin tidak setakat ditentangi oleh rejim Tel Aviv, tetapi juga ditekan oleh Pergerakan Pembebasan Palestin (PLO) semenjak kepimpinan Yasser Arafat lagi (Fundamentalist Menace, 1990). Pembebasan Albania daripada cengkaman komunis, setelah mengembang sebagai sebuah negara ateis sebegitu lama, awal-awal lagi dibimbangi kerana “*A day may come when (it) declares itself the first Islamic republic in Europe*” (Zametica, 1990). Pelaksanaan hukum Islam, terutama sekali hudud, diberi pemberatan di luar konteks atau keperihalan keadaannya, sehingga ia terpujar sebagai sesuatu yang mewakili keseluruhan kehidupan beragama dan gubahan peradabannya. Sungguhpun ini adalah cerita lama, tetapi dengan perkembangan terbaru Islam, termasuk berikutan ‘Arab Spring’, persoalan lama ini semakin diputar. Fundamentalisme Islam dinobatkan sebagai ancaman di mana-mana termasuk di Eropah Barat. Islamophobia ini berkembang seiring krisis yang melanda negara-negara Muslim yang dianggap ‘*failed states*’, seperti Somalia. Islamophobia semakin menjadi-jadi lagi apabila terdapat dikalangan penulis Muslim yang berjiwa sekular-modern turut sama mendokong pandangan bahawa Islam fundamentalis merupakan perkembangan yang tidak sihat (Tibi, 1998).

### **3.0 ANALISIS DAN ANDAIAN**

Ketidakupayaan ummah menterjemahkan ideal Islam menjadi realiti, kecuali di peringkat individu atau di rantau yang terpisah, atau dalam ruang lingkup kehidupan terhad, telah mencetus perbincangan berpanjangan bukan sahaja di kalangan pemikir dan penglibat Islam, tetapi juga di kalangan bukan Islam, termasuk orientalis dan pengkaji Barat semasa. Pada pokoknya, perbincangan berkisar pada kekusutan intelektual yang menyelubungi para penglibat Islam, sehingga pergerakan Islam tidak dapat dibekalkan dengan wawasan dan gagasan yang komprehensif dan koheren untuk kegunaan berpanjangan, dan kekebalan pengikut Islam yang dipercayai masih terbeban oleh kejahilan beragama dan kepentingan keduniaan yang membawa kepada predikamen hari ini.

Semenjak awal-awal sejarah kebangkitan Islam lagi, perkara ini telah dibangkit dalam penganalisan, dan sahubungan itu telah lahir andaian bahawa Islam seharusnya mengalami revisi atau penilaian semula sebagaimana yang diperjuangkan oleh golongan modernis, atau reformasi sebegaimana yang telah berlaku ke atas Kristianiti, bagi membolehkannya mengorak dalam zaman moden. Kebebasan berfikir yang disemarakkan oleh globalisasi mencetus fahaman bahawa penghayatan sepenuhnya Islam, dalam ertikata “*to the spirit and letter*” al-Quran dan Hadith adalah tidak mungkin. Zaman “*The Golden Age of Islam*” pun bukan suatu kehidupan yang seratus peratus sempurna, kerana suatu yang benar-benar sempurna hanyalah terealisasi di Akhirat. Oleh itu, mengikut pendirian ini, ideal yang praktis dan mampu dijelmakan ke alam nyata ialah gubahan hidup yang terasas pada prinsip-prinsip Islam, dengan mengambil kira perubahan masa dan persoalan darurat yang terpaksa di hadapi pada sesuatu masa.

Dengan kegagalan pergerakan Islam di berbagai daerah dan wilayah, telah juga terbina pandangan bahawa Islam telah tewas di gelanggang politik, sebagaimana yang terungkap dalam pernyataan “*The Failure of Political Islam*”. Doktrin siasahnya walaupun bersandarkan pemikiran dan pandangan tokoh-tokoh besar seperti Ibnu Taimiyyah, al Mawardi, Mawdudi dan Syed Qutb, belum terangkat menjadi amalan bernegara secara meluas. Karya-karya mereka belum mencecah kepopularan daripada segi pengaplikasiannya sebagaimana yang dialami oleh *The Wealth of Nations* karya Adam Smith atau *Das Capita* buah tangan Karl Marx.

Kebebalan ummah pula dihubungkan dengan sejarah, budaya dan pembawaan penganut Islam sendiri, dan mengikut perspektif ini, sama ada beragama Islam ataupun tidak, mereka berkenaan semestinya menempa kegagalan. *A World Without Islam* sebagaimana yang disarankan oleh Graham Fuller mempunyai implikasi ini (Fuller, 2011). “Failed states” di kalangan negara Muslim adalah manifestasi ketidakupayaan manusia beragama Islam ini. Tanpa faktor Islam pun, Afghanistan dipercayai akan tetap berada dalam kecelaruan, disebabkan oleh perwatakan penduduknya, yang terbudaya oleh kepuakan dan kekabilahan. Tanpa penyebab Islampun, orang Melayu tetap terkebelakang berbanding dengan komuniti Cina dan India, sebagaimana nasib yang telah menimpa peribumi Indonesia dan Filipina, yang beragama Hindu, atau Kristian atau Islam. Jika andaian ini benar, maka ternyata Islam ‘tidak bernasib baik’ kerana memperolehi kaum seperti ini, dan bukannya Northern Europeans yang dianggap begitu berwibawa dan berdisiplin dalam apa sahaja pembabitannya mereka. Oleh itu, apakah Islam perlu menunggu penganutan baru daripada mereka yang lebih berkualiti untuk membolehkannya bangkit dan berjaya, selari dengan penegasan al-Quran tentang penggantian golongan manusia bagi meneruskan penghayatan Islam yang lebih baik? Adakah mereka tersebut berbangsa Jepun atau berbangsa Jerman? Melihat kepada penyiaran Islam di dunia bukan Muslim, barangkali harapan tersebut akan kekal harapan untuk suatu jangka waktu yang lama.

Dengan berlatarbelakangkan berbagai kondisi yang menguasai ummah di mana-mana, kita cuba menyuluh nasib penganut Islam Malaysia, khasnya daripada sudut politik, dalam keperihalannya keadaannya hari ini.

#### **4.0 PENGISLAMAN DAN SENARIO POLITIK MALAYSIA**

Persekitaran politik yang menyelubungi dan mempengaruhi pengislaman di Malaysia berubah-ubah mengikut masa dan zaman. Kedua-dua faktor dalaman dan luaran berinteraksi dan bertindak mewujudkan keadaan ini. Dinamisme ini kekal berperanan hingga kini, ketika negara berada di ambang Pilihanraya Umum ke-13.

Bahawa pergerakan Islam terpaksa berdepan dengan berbagai cabaran sehingga penghayatan ideal keagamaan terbantut dan tergendala adalah suatu yang lumrah dalam mana-mana perjuangan, tidak kira sama ada ia bercorak keagamaan ataupun bukan-keagamaan. Cuma suatu yang istimewa, sekurang-kurangnya dalam konteks kebangkitan Islam di beberapa wilayah dan daerah, termasuk di Malaysia, ialah peleburan benteng psikologi yang memisah antara kefahaman dan pegangan Islam sebagai “a partial view of things” dan kepercayaan dan pendirian Islam sebagai satu cara hidup yang menyeluruh dan penyelesaian kepada semua masalah. Dengan pemecahan konservatisme lama, perjuangan Islam telah diletak pada tapak yang baru, berbekalkan penerimaan merata kedudukannya sebagai addin pembentuk dan pencorak peradaban manusia mengikut lunas-lunas al-Quran dan al-Hadith.

Jelas telahpun berlaku perubahan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara di Malaysia berikutan fenomena dakwah tahun-tahun tujuh dan lapan puluhan, sekaligus mencorak persekitaran politik hingga sekarang. Perkembangan Islam yang lebih berupa *bottom-top* itu, hasil keterlibatan dan komitmen badan-badan dakwah seperti ABIM, dan pertubuhan siasah termasuk PAS, menyebabkan Islam semakin diterima sebagai satu cara hidup, merangkumi kehidupan bernegara, di kalangan mereka beragama Islam. Inisiatif pihak-pihak berkenaan ternyata popular, dan telah turut dikongsi oleh pertubuhan lain, sehingga fenomena pengislaman menjadi arus

nasional, lebih-lebih lagi setelah kerajaan sendiri mengambil bahagian sama menerusi berbagai program pentadbiran dan ekonominya. Landskap politik, sosio-ekonomi dan sosio-budaya semakin terwajah oleh pendekatan dan penghayatan Islam, sekalipun ia bukanlah suatu transformasi menyeluruh, dan jauh sekali suatu revolusi. Ideal keagamaan ternyata menyentuh setiap lapisan masyarakat Melayu-Islam terutama sekali, sehingga realiti kehidupan yang berkembang memperlihatkan pegangan keislaman yang semakin baik dan potensi Islamisasi yang semakin meluas dan mendalam. Golongan Islam yang berlainan, daripada individu yang mementingkan fardhu ain dan menjalankan kehidupan agama dalam ruanglingkop peribadi hinggalah kepada pemimpin politik dan penglibat dakwah yang menjadikan pelaksanaan Syariah sebagai matlamat bermasyarakat dan bernegara. Tret-tret dalam ideal jenis pertama, kedua dan ketiga, kesemuanya menyerlah dalam pembabitan mereka.

Penerimaan Islam sebagai satu cara hidup dan sebagai penyelesaian kepada masalah kehidupan, pelaksanaan dan penerapan nilai-nilai Islam oleh pemerintah, dan pendakwaan Malaysia sebagai sebuah negara Islam oleh Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad adalah penjelmaan kepada ideal yang terpujar selama ini. Daripada sudut politik, perkembangan yang berwajah baru ini adalah suatu anjakan paradigma, yang menjanjikan perubahan yang lebih besar dan menarik, tanpa menafikan bahawa realiti yang menyelubungi masyarakat dan negara belum tentu akan memberi laluan mudah kepada pengislaman seterusnya. Apakah gerangannya yang sedang menunggu (Mohamad Abu Bakar, 2003).

Di Malaysia, globalisasi berkembang bersama dengan pengubahan susunan baru dalam politik berikutan Pilihanraya Umum ke-12, dan perkembangan ekonomi yang membolehkan rakyat hidup berpendapatan lebih tinggi. Daripada segi positifnya, perubahan ini membolehkan pengislaman berjalan lebih rancak dan meluas, apatah lagi sekiranya kehadiran pendatang luar, terdiri daripada berbagai bangsa, menjadi sasaran dakwah. Pendakwah tempatan pula berkedudukan bergerak lebih bebas dan selesa untuk merentasi sempadan negara, dengan kemudahan perjalanan dan pengangkutan semasa, dan kewujudan masjid dan surau, serta *outlet* makanan-minuman halal di negara lain.

Perolehan status ekonomi yang lebih baik di banyak negara Muslim berpotensi membantu kebangkitan Islam. Di Malaysia, peningkatan taraf hidup menyediakan peluang dan ruang lebih besar untuk membangun kehidupani ummah sekaligus menyemarakkan pengislaman. Di peringkat peribadi, ini bermakna kedudukan lebih baik untuk berzakat dan bersedekah, mengerjakan haji dan umrah. Berikutan penubuhan Bank Islam dan pembukaan kaunter Islam di beberapa buah bank konvensional, dan penyediaan takaful, medan hidup Islam telah membesar. Cuma kekhuatirannya ialah apabila anggota masyarakat Islam sama-sama terpedaya oleh kekayaan dan kemewahan baru sehingga lupa peranan mereka sebagai hamba Allah. Bak kata sesetengah penganalisis, "When it comes to money, people are of the same religion". Melihat kepada gejala rasuah di Malaysia dewasa ini, ternyata orang Melayu yang beragama Islam ini jelas dijangkiti oleh penyakit tersebut, sekalipun setelah semakin terdedah kepada pengislaman.

Dampak sosial berikutan globalisasi juga begitu ketara di mana-mana, terutama sekali di kalangan generasi muda yang begitu terbuka kepada pengaruh pemodenan menerusi media alternatif dengan kesan-akibat pemecahannya (*fragmentation*) dalam masyarakat, dan saluran informasi yang sedia berkembang dalam masyarakat. Generasi hari ini, sama ada di kalangan orang muda ataupun orang tua, terperangkap dalam revolusi maklumat, dan dengan kebebasan demokrasi yang semakin berkembang telah menjadi pelanggan berbagai cara hidup. Kalau dahulunya, pemilihan bebas menyebabkan mereka menonton filem-filem Hindustan atau



meminati cerita-cerita dari Hong Kong, tidak lama dahulu mereka asyik menghiburkan diri dengan filem-filem dari Amerika Latin, seperti “Ugly Betty” dan “Mistress Hermanes”. Ertinya, pihak pemerintah tidak boleh dipersalahkan seratus peratus dalam keadaan sedemikian, kerana kebebasan yang diberi telah disalahgunakan, sehingga pendakwaan yang berjaya dirancarkan menerusi media terpaksa bersaing dengan pergerakan unsur-unsur anti-Islam yang telah disebarkan oleh media yang sama. Kenakalan pemudi dan kegatalan pemudi di pedalaman, di kampung dan sebagainya, yang sebelumnya dipamirkan dengan cara mencuri mempelam atau mengintai wanita mandi, kini kenakalan dan kegatalan mereka tersalur menerusi perbagai aksi lain akibat daripada globalisasi dan modernisasi dalam bidang penyiaran. Ini tidak termasuk golongan yang masih selesa dengan penglibatan lama, yang menyisihkan tuntutan agama dalam kehidupan awam, atau mempersenda-sendakan hukum Allah, dengan persoalan “Cukupkah batu yang ada untuk merejam penzina dalam masyarakat dan negara?”.

Kalaulah pengislaman selama dua dekad setengah, di tambah oleh pengukuhan beberapa institusi Islam selepas itu, merupakan faktor-tambahan yang amat penting, maka ruang yang semakin terbuka dalam dunia global hari ini pula menjanjikan pencapaian yang lebih baik lagi seandainya penglibat dan penggiat Islam berjaya mengguna peluang yang terdedah itu. Dahulunya, anggota ummah terangsang oleh keruntuhan Soviet Union dan kelumpuhan kominisme antarabangsa, sehingga terdorong untuk mengistiharkan Islam sebagai kuasa alternatif dengan segala kehebatannya, maka persejagatan dewasa ini sebenarnya lebih bermakna lagi kerana ia menjadikan seluruh dunia sebagai medan dakwah dan jihad. Jumlah penganut Islam yang bertambah dengan taburannya di hampir setiap penjuru alam, menambahkan potensi ke arah penghayatan ideal.

Malaysia dewasa ini sedang berdepan dengan persoalan ini. Kehidupan politik semenjak Pilihanraya Umum ke-12 sesungguhnya menjelaskan betapa hebatnya cabaran yang dimaksudkan itu. Selama lima tahun terakhir ini terutama sekali, persekitaran negara dan masyarakat tidak semestinya menyebelahi perjuangan Islam, sekalipun zaman mutakhir adalah pewaris kepada era kebangkitan semula Islam tahun-tahun tujuh dan lapan puluhan. Walaupun berbekalkan perjuangan Islam yang memberangsangkan, sebagaimana terbukti daripada keterlibatan politik kepartian PAS dan UMNO, dan pengamalan Islam yang meluas, sebagaimana yang ditunjukkan oleh orang Melayu, kondisi ini ternyata sedang berinteraksi dengan politik orde baru dewasa ini.

Islam sememangnya berkembang hebat berbanding dengan kedudukannya pada mana-mana zaman sebelumnya, tetapi pada masa yang sama ia juga bersua dengan tuntutan dan tekanan yang juga hebat berikutan pengluasan ruang demokrasi dalam negara dan globalisasi di peringkat antarabangsa. Persoalan yang terbangkit ialah apakah pengislaman yang mendefinisikan persekitaran politik, atau persekitaran politik yang mendefinisikan pengislaman? Malah dalam keperihalan keadaan ini, pertubuhan dan penglibat Islam kelihatan turut sama terbenam dalam kancas siasah yang melanda Malaysia ini. Setakat ini, orang Melayu sebagai penganut dan pendukung Islam yang dominan, belum muncul sebagai rujukan, atau model, yang mampu mempengaruhi persekitaran dakwah dalam perhubungannya dengan bukan Melayu. Mereka bukan sahaja terkebelakang daripada segi ekonomi dan sosial, tetapi mereka juga dipersepsikan sebagai bangsa yang tidak berdisiplin, tidak bekerja bersungguh-sungguh, dan tidak mengamalkan kebersihan, yang menjadi ciri-ciri mulia dalam Islam. Kedudukan dan keadaan mereka tidak jauh berbeda daripada bangsa Arab yang kini menjadi objek momokan di mana-mana sebagai pihak yang gagal menjelmakan diri sebagai Muslim dan Muslimah mithali.

Apakah sebenarnya keadaan yang mencirikan senario politik umat Islam menjelang Pilihanraya Umum ke-13?

Pertama, pengkalihan paradigma yang menyaksikan perubahan dalam kehidupan Islam telah mencetus atau diiringi oleh susunan politik yang baru, hasil daripada *alignment* antara PAS, PKR dan DAP. Pilihanraya umum lalu dan politik kepartian yang mengekorinya nyata terasas oleh struktur kerjasama ini. Sekalipun, bukan Melayu / bukan Islam juga kelihatan semakin bersifat perkauman berikutan kebebasan yang dikecapi berlatarbelakangkan demokrasi dan globalisasi yang berkembang, perkongsian cita-cita politik jangka pendek parti pembangkang berjaya menyeragamkan kepentingan etnik yang berbeda, dan sekaligus menyukarkan perpaduan Melayu-Islam berbentok lama. Dunia satu parti (*one party world*), yang berpaksikan UMNO, sama ada dalam Perikatan atau Barisan Nasional, dan yang pernah mencorak pergerakan parti pembangkang, sudah berakhir berikutan Pilihanraya Umum ke-12. Sejauh manakah akan lahir suatu gagasan perpaduan Islam atas timbunan pelbagai persoalan, sama ada yang terluah dalam akhbar-akhbar Cina, atau terlontar dari perarakan Hindraf, atau yang diperjuangkan oleh rakyat Sabah dan Sarawak, belum pasti. Cabaran ini sedang dipikulatau dihadapi oleh PAS khususnya, lantaran kedudukannya sebagai parti yang tegak bersama dalam Pakatan Rakyat dan sama-sama mentadbir beberapa buah negeri. Keuniversalan Islam yang dipapar dan dipupuk selama ini, dengan penyasarannya kepada bukan Melayu dan bukan Islam sedang diuji dalam percaturan baru ini. Sejauh manakah “Negara Berkebajikan” mampu mengekalkan dimensi keislaman setelah bertukaran istilah ini.

Kedua, persejagatan nilai-nilai Barat yang menyemarakkan demokrasi dan memupuk persekitaran liberal dan sekular, memudahkan pihak bukan Melayu / bukan Islam memajukan agenda mereka, termasuk kepentingan keagamaan dan kebudayaan. Kebebasan yang dirangsangi oleh pihak luar, PBB dan NGO antarabangsa, bukan sahaja menghala mereka untuk meneroka kehidupan tanpa sempadan, tetapi juga berpotensi menggerak sesetengah orang Melayu sendiri untuk melepaskan diri daripada ikatan tradisional. Malah di kalangan penganut Islam sendiri sudahpun terdapat individu dan golongan yang tertawan oleh suasana ini dan menuntut pengamalan agama yang lebih liberal. Mereka ini barangkali tidak akan memberi saham mereka ke arah penghayatan Islam.

Sekurang-kurangnya terdapat dua faktor campur yang mengekang pendekatan lama dalam penggubahan kehidupan Islam di Malaysia. Pertama, dengan ketiadaan ancaman luar seperti kominisme antarabangsa, masyarakat Melayu-Islam tidak mudah untuk dipersatukan atas landasan tradisional menuju cita-cita Islam. Kedua, sejarah yang pernah membangkitkan sentimen terhadap pencapaian Melayu-Islam masa lalu, dan berjaya menyatu pandangan massa Muslim, semakin diketepikan. Dalam keadaan ia pula berdepan dengan pendekatan politik kepartian yang diberi penekanan oleh Pakatan Rakyat, maka telah berlaku suatu persaingan tanpa penyelesaian hari-hari ini (Mohamad Abu Bakar, 2013).

Selama manakah persekitaran politik ini akan mendefinisikan pengislaman? Apakah perubahan besar dan menyeluruh boleh berlaku sehingga keperihalanan keadaan ini akhirnya dibatasi dan diatasi oleh perkembangan tersebut, dan penghayatan Islam berlangsung mengikut dinamisme dan kekuatan dalaman tersendiri?

## **5.0 MASA TERBAIK DAN TERBURUK**

Abad ke-21 sudahpun mencabar minda dan massa Muslim. Ia adalah masa terbaik dan terburuk dalam penghayatan ideal Islam. Persoalan ini tersimpul dalam globalisasi itu sendiri, yang serentak mengubah kedudukan antarabangsa dan merubah kehidupan bernegara dan bermasyarakat. Ketika mana medan dakwah dan jihad membesar dan meluas, pada masa yang sama pengislaman semakin berdepan dengan cabaran dan cubaan baru atau tambahan.

Dunia global kekal menjadi rebutan, sekalipun dengan ketiadaan Kominisme sebagai salah satu pesaing utama. Amerika Syarikat dengan dasar globalismenya merempuh setiap benua, dan orang Muslim turut menjadi sasarannya. Dalam keperihalan keadaan pertembongan peradaban yang diwarwarkan oleh Samuel Huntington, ia tidak sekadar mencetus “bloody borders”, tetapi juga boleh membawa kepada pemusnahan ummah sendiri. Kekayaan hasil dan kedudukan strategik wilayah Islam diterokai dan dibolot oleh kuasa asing untuk menjayakan kehidupan yang bertentangan dengan Islam. Mainan dan manipulasi pihak musuh menjadi tren berkekalan dalam senario ini.

Islam yang berpotensi menjadi pengganti kominisme sebagai pencabar Barat mahu tidak mahu terpaksa dibendunginya. Orde Islamiyyah jika tertegak di peringkat antarabangsa mampu menggugat susunan global semasa yang terbina daripada “a world of nation-states” semenjak Perjanjian Westphalia.

Krisis intelektual di kalangan pejuang dan pemaju menjadi bertambah parah dalam keadaan di mana penghayatan ideal dalam konteks pemodenan bukan sahaja berjalan lancar, tetapi telah berjaya menghasilkan buahnya, dalam bentuk peradaban negara demokrasi, kapitalisme-liberal dan seumpamanya. Idea “Syurga Dunia” yang terbina di Barat, “Negara Kebajikan” yang terbentuk di negara-negara Nordic, dan “Land of Promise” yang dihubungkan dengan Amerika dan tercipta “Without Marx or Jesus”, menjadi sandaran dan ukuran di mana-mana. Peradaban barat sebagai gubahan hidup ini turut memukau dan memikat orang Islam, hatta ketika mereka berurusan untuk menjelmakan “Baldatun Tayibatun Warabun Rafur” ke alam nyata. Benar bahawa kemunculan Republik Islam Iran pernah menjanjikan suatu penghayatan bermakna daripada segi kebangkitan ummah, ia belum berkedudukan sebagai rujukan sejagat, lebih-lebih lagi dengan wujudnya pertikaian di antara mereka yang bermazhab ahlu Sunnah dan Syiah. Tanpa menafikan kejayaan negara itu bertahan (Akhavi, 1987) setelah dihimpit dan ditekan dari berbagai penjuru, ia belum tegak sebagai suatu gubahan yang berkemampuan menjadi rujukan sejagat ummah. Kejayaan Turki pada lewat ini memberangsangkan, tetapi perjalanannya menuju ideal Islam barangkali masih jauh atau belum menentu.

Pemikiran untuk menjadi “negara maju” yang menular di negara-negara Muslim juga mengandungi virus yang membiak dalam globalisasi ini. Ia boleh merosakkan penghayatan ideal Islam, apabila idea kemajuan bertukar menjadi konsep kemajuan Barat. Sesetengah pemerintah amat mengalu-alukan perkembangan ini, kerana ia tidak perlu berhempas pulas memadamkan cahaya Islam, disebabkan cahaya itu sendiri boleh terpadam berikutan penularan pemikiran tersebut. Apa yang ditakuti ialah sekiranya penganut Islam tersebut bukan sahaja gagal mengikuti jejak Barat, kerana sentiasa dicurigai dan dihalangi walaupun berlagak dan bertindak moderat, tetapi mereka pada masa yang sama dimurkai Allah, dan berkemungkinan kehilangan segala kebaikan yang dijanjikan kepada mereka yang beriman. Bagi Islam pula, ia boleh pupus setelah bertapak sebegitu lama di sesuatu daerah atau wilayah, sebagaimana ia lupus dan luput di Andalusia setelah bertakhta di situ selama ratusan tahun. Sejarah penyerahan kunci kota al

Hambra oleh putera Andalus Abu Abed Allah kepada pemimpin Sepanyol, Don Gurniary, pada 1492 akan berulang.

Penggiat Islam dalam kerangka kehidupan yang terhad, dengan pengamalannya di peringkat peribadi, biasanya tidak terhalang menjalankan ibadat mereka, sekalipun di negara-negara bukan-Muslim. Dari dahulu lagi, masjid-masjid sudahpun terbina hatta di blok kominis. Penciptaan dan pengamalan ideal Islam dalam persekitaran yang terbatas dan tidak berimpak ke atas masyarakat besar dan negara lazimnya dibiarkan berterusan.

Dalam konteks negara-bangsa seperti Malaysia, pendakwahnya terdedah kepada penguasaan demokrasi *ala* Barat dan perjuangan hak asasi yang berkembang bersama globalisasi. Fenomena ini sentiasa mencurigai setiap bentuk pengislaman. Dengan jalinan NGO tempatan dengan pihak antarabangsa, terutama sekali yang bertindak menyebarkan pengaruh asing, perhubungan ini menambah sukar pengislaman, sebagaimana yang dapat dikesan akhir-akhir ini. Di samping itu, ideal Islam yang terpujar dalam dekad-dekad tujuh dan lapan puluhan juga terpaksa berinteraksi dengan 'Wawasan 2020', 'Islam Hadhari' dan 'Gerakan Muslim Moderat'. Gagasan-gagasan ini tidak semestinya bertentangan dengan Islam, namun kehadirannya mengeruhkan suasana keIslaman, dan lebih membimbangkan lagi apabila ia menghilangkan perspektif Islam sebahagian penting penglibat Islam sendiri. Manakala dalam kelajuan mengejar kemajuan material, dan dalam kemelut politik memenangi pilihanraya, mereka berkemungkinan terlepas pandang ideal Islam. Penghayatan Islam semakin tidak terancang dan tidak terurus, apabila kesemua pihak terangsang oleh kebebasan berdakwah. Sahubungan ini, penterjemahan Islam dalam bentuk pemakaian dan pemakanan, dan penubuhan institusi bank dan takaful, terpaksa berkembang berasingan daripada arus kehidupan yang ditentu corak oleh globalisasi ini. Dengan sebahagian penting daripada anggota masyarakat Melayu-Islam bersikap *non-ideological* dalam pelakuan mereka, kedudukan Islam juga akan menerima kesan negatifnya. Dakwah yang semacam telah mencecah *saturation point* kelihatan kehilangan kekuatan dalaman atau maya untuk bertarung dengan peredaran zaman.

Kampung tradisional dan kariah yang berpaksikan masjid tidak tersisih daripada bahana globalisasi ini. Dalam keadaan di mana lokasi dan penduduknya juga turut terdedah kepada pengaruh luar, idea demokrasi dan isu hak asasi akan menjamah mereka. Situasi yang sama sedang dialami oleh penghuni sekolah pondok di pinggir bandar di Indonesia, atau penggiat sufi di perdalaman Afrika Utara.

Apakah Islam sebagai ideal akan kekal menjadi idaman dan inspirasi hingga Hari Kiamat, hatta setelah jumlah penganutnya membesar mencecah lebih daripada satu bilion? Sebahagian daripada jawapannya bergantung kepada keupayaan pemikir Islam melahirkan perancangan strategik atau pelan induk yang mampu menjadi ikutan umum. Ini dituruti dan dilengkapi dengan kaedah pengurusan hidup dan perubahan yang mengambil kira permasalahan semasa dan setempat, tanpa semestinya menolak atau mengenyepikan cara dan gaya tradisional yang sedia terdapat dan terubah dalam sejarah Islam. Iaitu suatu respons yang masih merangkumi pengajaran dari al-Quran dan Hadith, serta mengambil kira penfasiran para ulama sebagai pewaris anbia, sekalipun membabit gagasan alternatif dalam mencari jalan keluar kepada kemelut zaman ini. Sesuatu yang luarbiasa adalah tidak lebih daripada susunan perkara biasa dalam gubahan yang luar biasa. Begitulah juga dalam penghayatan ideal Islam. Atau apakah cerdikpandai dan penggiat Muslim sekadar mahu berdamai dengan segala yang menimpa ummah, sambil berkata, selagi orang Islam beriman, berusaha dan bertawakkal, maka itu sudahpun merupakan suatu kejayaan. Bukankah sudahpun lahir pergerakan Islam, republik Islam, kampung Islam dan institusi Islam

sekalipun dengan segala kekurangannya, dalam penjujukan ke arah ideal Islam? Bukankah dewasa ini, tidak sedikit orang Islam yang mengamalkan suruhan Allah dalam kehidupan peribadinya, dan tidak sedikit pula bukan Muslim yang telah memeluk Islam, setelah berkenalan dengannya? Bukankah segalanya ini juga berlangsung ketika mana umat Islam hari ini berada seribu lima ratus tahun berjauhan daripada Rasulullah S.A.W? Kalau inilah landskap kehidupan yang menjadi idaman dan inspirasi selama ini, maka sejarah Islam ternyata sudahpun berakhir.

## **Rujukan**

- Akhavi, S (1987, February). Institutionalizing the new order in Iran. *Current History*, 53.
- Fuller, G. (2011). *A World without Islam*. New York: Little Brown & Company.
- Fundamentalist Menace. (2010). *The Sunday Times* (London), June 10, 1990.
- Mohamad Abu Bakar. (2003). Polemik negara Islam dan pembudayaan politik di Malaysuia. In Panel Penulis, *Isu dan proses pembukaan minda umat Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Abu Bakar. (2013). Lanskap politik Malaysia selepas Pilihanraya ke-12 dan menjelang tahun 2020”, *Prosiding Seminar Pertemuan Profesor-profesor mengenai Isu-isu Menjelang 2020*, Majlis Universiti Islam Malaysia, Bandar Baru Bangi, Selangor, 2013, 35-50.
- Ruthven, M. (1984). *Islam in the world*. New York: Penguin Books.
- Sheehi, S. (2011). *Islamophobia: the ideological campaign against Muslims*, Atlanta Clarity Press, Inc.
- Tibi, B. (1998). *The challenge of fundamentalism: political Islam and the new world order*. Berkeley: University of California Press.
- Zametica, J. (1990). First steps to freedom, but can they avoid civil war? *The Times*, July 10, 1990.